

# Felda taja 13 pelajar lanjutkan pelajaran dalam bidang digital

Oleh NURFARAHIN HUSSIN  
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) komited melahirkan lebih ramai pemimpin digital dalam kalangan generasi keluarga Felda seiring dengan Revolusi Industri (IR4.0) untuk masa hadapan.

Justeru, Felda melalui Yayasan Felda menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU) bagi menyediakan program pendidikan Global Digital Leadership (GL) yang merangkumi pelbagai bidang pengkhususan pengajian berteraskan teknologi terkini demi pembangunan modal insan generasi baharu Felda.

Kerjasama strategik awam-swasta antara kedua-dua organisasi itu membolehkan sebanyak 13 pelajar cemerlang yang merupakan cucu peneroka dan anak-anak kakitangan kumpulan Felda termasuk FGV mengikuti program pengajian sehingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Program itu melibatkan kos keseluruhan RM1.5 juta yang merangkumi Program Pengajian Akademik, Program Intensif Bahasa Inggeris (IEP), Program



IDRIS Jusoh (lima, kanan) bersama pegawai Felda, APU dan pelajar tajaan Felda yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang digital di APU di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Linguistik euro (NLP), kelas bahasa asing (bahasa Korea), yuran kediaman dan elaun sara diri pelajar selama empat tahun enam bulan.

Pengerusi Felda, Tan Sri Idiris Jusoh berkata, kerjasama itu mengangkat taraf pendidikan serta pembangunan generasi baharu Felda bagi meningkatkan mobiliti sosial warga Felda keseluruhannya.

"Dengan termeterainya MoU ini, saya yakin dan percaya as-

pirasi pendidikan generasi baharu Felda diperkasakan seiring penguasaan digital yang akan menjadi penggerak masa hadapan yang lebih maju.

"Kami amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi terkemuka seperti APU untuk menerajui program bersama dalam bidang teknologi.

"Langkah ini akan menjadi sumber inspirasi dan motivasi untuk generasi baharu Felda

terus berinovasi dan melakar kejayaan di peringkat dunia selepas mereka tamat pengajian dan menjadi modal insan bagi menjayakan matlamat menjadikan Felda sebuah organisasi setaraf Fortune 500," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan pemeteraian MoU di antara Pengurus Besar Yayasan Felda, Datuk Mohd. Banuri Aris dan Pengarah Eksekutif APU, Mohd. Helmy Norman.

## GM Klang anjur kempen perkukuh integrasi kaum

**KLANG:** Seajar dengan tema sambutan Bulan Kemerdekaan ke-65 iaitu 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' yang mengetengahkan konsep keharmonian negara berbilang kaum, Pusat Borong GM Klang memantapkan lagi dinamika integrasi kaum di Malaysia menerusi kempen 'Malaysia, Rumah Kita! 2022'.

Pelbagai aktiviti menarik akan disajikan kepada para pengunjung pusat borong berkenaan bermula 31 Ogos ini sehingga 17 September depan.

Antaranya, program 'Belanja & Tebus' di mana pengunjung boleh menebus baju T eksklusif apabila berbelanja sebanyak RM200 dan ke atas sepanjang tempoh kempen.

Selain itu, pelbagai aktiviti seperti pencarian harta karun, pencarian fesyen merdeka, persembahan nyanyian, kumpulan pancaragam, pertandingan mewarna tanglung kanak-kanak, penampilan khas maskot GM Klang, kostum Chang Er, arnab dan banyak lagi, bakal diadakan pada lima hari istimewa yang dipilih iaitu 31 Ogos, 10, 11, 16 dan 17 September.

Pengurus Komunikasi Jenama, Norsuhaida Othman berkata, nama kempen 'Malaysia, Rumah Kita! 2022' dicipta hasil gabungan tiga perayaan yang akan disambut pada Ogos dan September iaitu Hari Kebangsaan, Perayaan KUIH Bulan dan Hari Malaysia.

Menurutnya, ketiga-tiga perayaan ini mempunyai satu objektif kebersamaan di mana penyatuan keluarga, rakan-rakan, komuniti setempat malah seluruh rakyat Malaysia meraiikannya bersama-sama.

## MR D.I.Y. sumbang RM300,000

**PETALING JAYA:** Peruncit perkasas rumah terbesar di Malaysia, MR D.I.Y. Group (M) Berhad (MR D.I.Y.) menyumbang RM300,000 kepada PPUMCare, dahulunya dikenali sebagai Tabung Kebajikan Pesakit PPUM sempena acara Larian PPUMCare yang telah diadakan di Arena UM, Universiti Malaya, baru-baru ini.

Larian itu dianjurkan oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk mengumpul dana yang akan digunakan bagi menampung kos rawatan pesakit kurang berkemampuan.

Ketua Pemasaran Kumpulan, Alex Goh berkata, sebagaimana Malaysia genap 65 tahun merdeka, negara sedang menghadapi cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya dalam banyak perkara dalam kehidupan seharian.



MAJLIS penyampaian sumbangan MR D.I.Y. kepada PPUMCare.

"Sebagai salah satu peruncit dan majikan terbesar di Malaysia, kami melihatnya sebagai

tanggungjawab untuk memberi impak positif kepada kehidupan rakyat Malaysia.

"Sumbangan kepada PPUMCare ini bertujuan membantu memastikan rakyat Malaysia yang memerlukan mendapat akses kepada rawatan perubatan yang berkualiti, tanpa perlu risau tentang kos rawatan dan ubat-ubatan. Kami berharap sumbangan ini memberi inspirasi kepada lebih ramai korporat untuk tampil ke hadapan untuk menyokong usaha yang dilakukan PPUM dan PPUMcare," katanya.

Larian PPUMCare 2022 kelmarin berjaya mengumpul RM377,000 daripada para penyumbang.

Selain MR D.I.Y., penyumbang lain termasuk DatumCorp International Sdn. Bhd., Azlin Jamlus Architect, MED-EL Electronics Sdn. Bhd., Siemens Healthineers Malaysia dan AEON Co. (M) Bhd.